

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | MDJL perluas operasi di Felda | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan) | | |
| Date | 05 Sep 2017 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 40 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 421 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,949 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,847 |



MDJL perluas operasi di Felda

Pusat bandar Felda Palong 4, 5 dan 6 pertama diselia PBT



Lilah (dua kanan), Zazali (empat kanan) dan Al-Ashari (dua kiri) melihat demonstrasi kutipan sampah.

PALONG - Majlis Daerah Jempol (MDJL) kini memperluaskan perkhidmatan pembersihan dan mengutip sampah di kawasan pusat bandar Felda Palong 4, 5 dan 6, melalui operasi khas setelah mendapat kelulusan kerajaan negeri.

Yang Dipertuanya, Zazali Salehudin berkata, operasi pembersihan itu akan dilakukan oleh syarikat konsepsi yang dilantik iaitu SWM Environment.

Menurutnya, kawasan yang terlibat merupakan tanah rancangan Felda dan menjadi yang pertama ditadbir di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Untuk memudahkan urusan tersebut, sebanyak 110 tong sampah beroda berkapasiti 120 liter serta lapan tong 1,100 liter diletakkan di sekitar pusat bandar ini oleh SWM Environment.

"Kelulusan ini diberi susulan terdapat aduan sampah yang tidak diurus dengan baik. Justeru penempatan tong itu mampu menyelesaikan masalah tersebut.

"Kemudahan ini diletakkan di Dewan Orang Ramai Felda Palong 4, 5 dan 6, pasar awam selain turut disediakan satu tong rodo di kawasan pasar tani," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan tong sampah beroda dan



Lilah (tiga kiri) menyerahkan tong sampah kepada peniaga Felda Palong 4, 5 dan 6 diperhatikan oleh Zazali (dua kiri).

taklimat kawasan operasi khas di Dewan Orang Ramai Felda Palong 5, semalam.

Zazali berkata, pusat bandar Felda Palong merupakan kawasan operasi khas pertama diwujudkan kerajaan di tanah rancangan Felda, justeru dengan pelaksanaan operasi itu diharap kebersihan kawasan terlibat akan bertambah baik.

Menurutnya, MDJL memandang serius berhubung aduan sampah sepertimana hasrat kerajaan sendiri yang mahu persekitaran bersih.

"Namun usaha kita semata tidak akan berjaya jika tabiat membuang sampah daripada masyarakat sendiri tidak berubah, dengan buang sampah bukan pada tempatnya.

"Kerjasama semua pihak penting kerana usaha kerajaan

INFO ● 110 tong sampah beroda berkapasiti 120 liter serta lapan tong 1,100 liter diletakkan di sekitar pusat bandar ini oleh SWM Environment

an ini demi mensejahterakan rakyat. Rakyat gembira dan selesa dengan persekitaran bersih sekali gus memberi aura positif untuk pembangunan negara," katanya.

Katanya, penyeragaman tong sampah itu tertakluk mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (akta 672).

Hadir sama, Adun Palong, Datuk Dr Lilah Yasin dan Pengurus Wilayah SWM Environment Dr Al'Ashari Othman.